



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN
TAHUN 1441 HIJRAH / 2020 MASIHI**

**HARI KHAMIS (MALAM JUMAAT),
06 JAMADILAKHIR 1441H / 30 JANUARI 2020M
MALAM KETIGA (AKHIR)**

**BERTEMPAT,
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل: وَنَزَّلَنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبَيَّنَ لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَشُرُّى
لِلنُّصَارَى.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْأَبْرَارِ. فَصَلَواتُ
اللَّهِ وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَ هُدَاهُ إِلَى يَوْمِ الْبَعْثِ وَالنُّشُورِ .

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Menghadap Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun -

Dengan penuh hormat dan ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan juga mewakili Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam yang juga meliputi Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan, dan juga Pengurus serta sekalian peringkat Jawatankuasa Kerjanya tahun ini sukacita menyembahkan sembah junjung kasih sambil bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Penutup Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan yang telah berlangsung berturut-turut selama dua malam yang lalu.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang juga akan mengurniakan titah dan penganugerahan hadiah-hadiah sangatlah menyerikan kemeriahannya majlis yang setepatnya sentiasa akan menjadi pemangkin semangat mencintai kitab suci Al-Quran yang bukan sahaja setakat memuliakannya bahkan juga untuk membacanya dengan bacaan

yang baik serta untuk mendapat fadhilat keberkatan wahyu Allah dan juga meraih pahala dan memetik serta memahami pengajaran ayat-ayatnya. Ini selaras dengan mafhum firman Allah dalam ayat 29 surah Shad:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَدَبُرُواً ءَايَتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Dan firman Allah Ta'ala dalam surah Yunus ayat 57:

يَنَّاهُمْ أَنَّاسٌ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الْأَصْدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Sesuai dengan majlis peringkat negara malam ini, kita se Brunei sedang memuliakan Al-Quran dengan ayatnya dibaca dan diperdengarkan.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu wa Ta'ala akan merahmati kita sekalian dalam majlis ini dan Brunei beserta sekalian rakyat dan penduduknya akan juga mendapat berkat daripada Al-Qur'an dan seterusnya kekal dalam rahmat Allah hidup sejahtera, aman dan bahagia, sentiasa dilindungi oleh Allah Ta'ala dari segala wabak penyakit dan bala bencana.

Demikianlah disembahkan. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang membawa berkat dan menambahkan seri majlis pada malam ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan Penasihat-Penasihat serta Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja yang menyelanggarakan majlis ini mendoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam limpah rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala, sihat 'afiat dan bahagia serta selamat dalam perlindungan-Nya.

Seterusnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Paduka-Paduka Anakda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Sembah junjung kasih seterusnya juga atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

- Yang Berhormat
Menteri-Menteri Kabinet,
- Yang Berhormat, Yang Dimuliakan dan Yang Mulia
Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Yang Mulia
Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Tetap
- Tuan Yang Terutama
Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat
- Yang Mulia
Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin dan hadirat yang berbahagia sekalian.

Dan seterusnya ucapan terima kasih kepada sekalian yang berperanan menjayakan acara-acara majlis yang berlangsung selama tiga malam khasnya kepada media yang membuat liputan majlis ini iaitu Kru RTB dan Penerangan, media-media cetak dan juga penyumbang penyumbang hadiah.

Semoga sumbangan tenaga dan buah fikiran serta kerjasama sekaliannya akan menjadi amal soleh yang mendatangkan pahala keberkatan dunia dan akhirat.

Demikianlah.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha....

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Daraina – 8 Spg 530 Sg Besar,
KM 13 Jln Kota Batu, BD 2517,
Brunei.

Ahad 23 Jamadilawal 1441/19 Januari 2020.